



Ustaz Uthman Abdullah, di dalam Mesyuarat Agung PAS telah menuduh akhbar selalu memutar-mutar percakapannya dan berlaku berat sebelah. Akhbar mana, tidak disebutnya tetapi orang faham dan mengerti kerana akhbar itu selalu berbuat demikian. Sebab itu kalau mau apa yang hendak tersiar sempurna lebih baik adakan akhbar sendiri – suara sendiri. Kalau mau lebih meriah – adakan pemboikotan – kan lebih baik Ustaz?

\* \* \*

Di dalam ucapan Dr. Burhanuddin dalam Persidangan Agung PAS yang ketujuh – tidak ada menyebut sedikit pun perkara-perkara cara mana program perjuangan untuk melancarkan dasar-dasar agama, tetapi yang disebut hanya perkara kedudukan kebangsaan Melayu dan hak Melayu! Dengan ucapan cara ini orang menyangka dan seolah-olah mendengar ucapan beliau cara lama juga iaitu caranya dalam Persatuan Kebangsaan Melayu dahulu! Kerana itu pertanyaan timbul apakah perjuangan PAS ini lanjutan daripada perjuangan Malay Nationalist Party?

\* \* \*

Tuan Haji Ahmad bin Haji Hussein, ahli Majlis Mesyuarat Undangan *Federal*, menyatakan bahawa PAS bukannya sekadar untuk membela ahli-ahlinya sahaja tetapi adalah ia bertanggungjawab membela agama, negara dan bangsa. Perkataan ini berlawanan dengan perkataan Yang Dipertua PAS yang bekerja kerana bangsa, negara dan agama. Jauh bezanya dan ertinya Bung! Kerana itu apakah perkara ini tidak patut mendapat *correction!*

\* \* \*

Dewan Muslimat PAS memutuskan akan menghantarkan sembah supaya Permaisuri Agong jangan menyertai sebarang majlis tarian-tarian di mana-mana untuk menghormati perasmian agama Islam di Persekutuan Tanah Melayu. Persembahan itu memang pada tempatnya dan patut diterima.

Cara ini kan lebih baik daripada dibuat oleh seseorang Ustaz membidas perkara itu di hadapan umum?

\* \* \*

Dewan Muslimat PAS juga mendesak kerajaan mengharamkan peraduan-peraduan wanita cantik. Keputusan ini bagus, tetapi ustazah-ustazah itu jangan lupa bahawa ada juga yang mengambil bahagian dalam peraduan cantik atau mengambil bahagian dalam peraduan nyanyi berasal dari madrasah-madrasah. Kerana itu tidakkah lebih baik bekerja (daripada meminta) untuk memberi pengertian dan fahaman supaya orang insaf! Bagaimana ustazah-ustazah dalam PAS!?

\* \* \*

A. Syarif Dolah seorang ahli UMNO yang jadi kaunselor di Majlis Bandaran Singapura telah dipecat kerana ia mencalonkan Syed Ali Redha jadi Datuk Bandar tetapi kemudiannya dikatakan memberi undi kepada Tuan Ong Eng Guan (Petir). Ini adalah satu pengajaran kepada UMNO Singapura kepada orang-orang yang hendak dicalonkan, kerana selalunya orang harus akan gelap mata kalau ada apa-apanya. Kan sebab ada apa-apanya pula maka banyak dahulu ahli-ahli UMNO Singapura berpindah ke Petir?

\* \* \*

Seorang ahli mesyuarat di Terengganu tatkala meminta kerajaan mengharamkan judi menghendaki supaya Mufti Terengganu memberi fatwa tentang rupa-rupa judi itu. Apakah yang dipayahkan tentang ini kerana apa jua yang berupa judi – hukumnya haram – tidak ada syaknya. Jadi kalau mau haramkan – habis perkara, jangan tunggu fatwa lagi.

\* \* \*

Orang-orang Cina, orang-orang India dan lain-lainnya semuanya bersetuju bahasa Melayu jadi bahasa kebangsaan. Dr. Lim dari M.C.A. menerima sambutan yang bergemuruh tatkala mengisytiharkan bahasa Melayu bahasa kebangsaan di Persidangan *Federal*. Benar mereka mengaku bahasa Melayu bahasa kebangsaan tetapi mereka rupanya nampak lubang ada iaitu bahasa kebangsaan ertinya tidak bahasa rasmi kerana itu mereka, orang-orangnya, menghendaki supaya bahasa Cina dan bahasa Tamil diterima jadi bahasa rasmi. Apakah ini tidak difikirkan oleh ahli-ahli Mesyuarat Melayu yang masih banyak duduk di *Federal* sekarang? Jaga-jaga Bung!

**Cemeti al-Farouk**

\* \* \*